

## Sebahagian besar mukim adalah zon merah

Oleh [Mahani Ishak](#) - Februari 21, 2022 @ 3:35pm  
[mahani@bh.com.my](mailto:mahani@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Sebahagian besar mukim di negeri Semenanjung dikategorikan zon merah COVID-19 berikutan penularan wabak itu.

Di Selangor, data pergerakan 14 hari taburan kes COVID-19 sehingga semalam yang diperoleh daripada Jabatan Kesihatan Negeri melalui laman Facebook masing-masing, menunjukkan hanya mukim Hulu Semenyih di daerah Hulu Langat serta Hulu Tinggi (Kuala Selangor) dan Sungai Tinggi di Hulu Selangor ditakrifkan zon hijau iaitu tiada kes.

Mukim Peretak dan Sungai Gumut dekat Hulu Selangor ditakrifkan sebagai zon kuning, manakala mukim Pasangan dekat Kuala Selangor dan mukim Kelanang, Kuala Langat pula dikategorikan zon jingga.

Sesuatu daerah akan dikategorikan sebagai zon merah apabila mencatat 41 kes ke atas, zon jingga (21 hingga 40 kes), zon kuning (satu hingga 20 kes) dan zon hijau bagi daerah bebas kes COVID-19.

Di Negeri Sembilan, semua daerahnya dikategorikan zon merah dengan hanya beberapa mukim direkodkan kuning, jingga dan hijau.

Sehingga semalam, mukim Hulu Kelawang dan Kenaboi di Jelebu adalah zon kuning dengan mukim lain berada dalam kategori zon merah.

Keseluruhan daerah Seremban, Jempol dan Port Dickson adalah zon merah dan hanya daerah Langkap, Parit Tinggi masing-masing di Kuala Pilah serta Lenggong Ulu dekat Rembau tiada kes atau berada zon hijau.

Begini juga dengan Johor, empat daerah mencatatkan keseluruhan zon merah iaitu Muar, Batu Pahat, Kulai dan Johor Bahru, sementara Pulau-pulau dekat Mersing dan Kambau, Kota Tinggi antara dua mukim masih dikategorikan hijau.

Beberapa mukim seperti Bekok dan Sermin dekat Segamat serta Sungai Pinggan (Pontian) dikategorikan zon jingga enam mukim lain berada dalam zon kuning iaitu Kundang (Tangkak), Nyior (Kluang), Lenggor, Penyabong dan Sembrong dekat Mersing serta Sungai Karang, Pontian adalah zon kuning.

Kebanyakan daerah di Terengganu dan Perak masing-masing menunjukkan taburan kes yang tidak terlalu tinggi bagi zon merah membabitkan mukimnya.

Tinjauan di Facebook Jabatan Kesihatan Negeri yang lain, menunjukkan ada yang tidak menunjukkan kemas kini taburan kes mengikut daerah dan mukim.